

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1992/93

April 1993

YFP 204/4 - Penerbitan Filem I

Masa: [3 jam]

Jawab **TIGA (3)** soalan. Soalan 1 adalah diwajibkan.

1. (a) Tuliskan satu apresiasi kritikal mengenai filem yang baru anda tonton.

(b) Watak-watak apakah yang muncul di dalam filem ini? Kenalpasti setiap watak dengan menjelaskan peranan setiap watak untuk memperkembangkan cerita. Beri 2 tajuk yang anda fikirkan sesuai untuk filem ini?

(40 markah)

2. Pembikin filem yang anda tonton tadi telah menggunakan pelbagai pergerakan kamera. Apakah pergerakan yang digunakan, di manakah ia telah digunakan dan apakah kesan yang diwujudkan akibat pergerakan tersebut? Berikan contoh yang bersesuaian.

(30 markah)

3. Apakah perbezaan asas di antara sebuah filem dokumentari dan filem cereka? Apakah peranan yang dimainkan oleh perbezaan-perbezaan tersebut dalam membentuk setiap kategori? Beri contoh-contoh yang kukuh.

(30 markah)

...2/-

4. Sejauh mana dan kenapa latar kata (narration) penting di dalam filem dokumentari? Terangkan peringkat-peringkat pembentukan komentari. Jelaskan bagaimana setiap peringkat itu penting dengan memberikan bukti melalui contoh-contoh bersesuaian.

(30 markah)

5. Sepanjang kursus ini, anda telah diperkenalkan dengan pelbagai corak persembahan sinematik yang tersendiri oleh pengeluar filem terkenal melalui filem-filem yang pernah ditayangkan. Nyatakan corak persembahan sinematik yang paling menarik minat anda. Bagaimanakah anda akan menggunakannya di dalam filem yang anda akan hasilkan?

(30 markah)

6. Tuliskan sebuah "shooting script" untuk satu dokumentari lima minit dengan subjek pilihan anda. Jelaskan visual dan audio dengan terang (melalui lukisan atau tanpa lukisan). Berikan tajuk yang sesuai dan sinopsis.

(30 markah)

-oooOoo-